



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,

Tel: +60 3 2095 3030

No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,

Fax: +60 3 2095 2121

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Berita Harian
Date :	29 / 9 / 2015

BH **BISNES** B5

Ringgit susut tak jejas kos projek MRT

Penurunan nilai ringgit ketika ini hanya memberi impak minimum kepada kos keseluruhan pembinaan laluan 1 projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT), kata MRT Corporation.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata komponen yang diimport bagi laluan 1 MRT dari Sungai Buloh Ke Kajang hanya mencatatkan peningkatan sebanyak RM600,000 daripada jumlah asalnya iaitu RM4 bilion, daripada kos keseluruhan sebanyak RM23 bilion.

“Walaupun dengan penyusutan nilai mata wang negara, ia tidak memberi kesan besar kepada proses pembinaan MRT yang sedang dijalankan.

“Penambahan kos sebanyak RM600,000 itu hanya membabitkan kos komponen yang diimport seperti tren, sistem elektronik dan lain-lain,” katanya kepada pemberita pada majlis Perasmian Pusat Latihan Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) di Kuala Lumpur, semalam.

Shahril berkata, kos pembinaan bagi laluan dua meliputi Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya berjumlah kira-kira RM28 bilion juga tidak akan terjejas. **BERNAMA**